




NOTIS SEBUT HARGA
PERBADANAN PUTRAJAYA
No. Sebut Harga : PPj/SH(S)/JR/104/2024

Tajuk Sebut Harga:

**KERJA-KERJA MEMBINA INFRASTRUKTUR DAN JETI PELEPASAN SERTA
MEMASANG LITAR KANU (SISTEM ALBANO) DI KOMPLEKS SUKAN AIR (KOSA),
PRESINT 17, PUTRAJAYA**

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada **Kontraktor Bumiputera** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dan mempunyai **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)**, **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dan **Sijil Taraf Bumiputera (STB)**, beralamat di **Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor** sahaja di dalam **Gred G3: Kategori CE Pengkhususan CE02 (Pembinaan Jambatan dan Jeti) dan CE21 (Pembinaan Kejuruteraan Awam)** dan masih dibenarkan untuk menyertai sebut harga pada masa ini.
2. Taklimat sebut harga adalah **DIWAJIBKAN** dan akan diadakan pada **19 DISEMBER 2024 (KHAMIS), JAM 10.00 PAGI** di **Panggung Mawar Sari, Aras 3, Bangunan Annex 2, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana Presint 3, 62675, Wilayah Persekutuan Putrajaya**. Kehadiran pemilik/pengarah syarikat atau pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam **SPKK** adalah **DIWAJIBKAN**. Sila bawa bersama **Sijil PPK, SPKK dan STB** berserta **Cap Syarikat**.
3. Dokumen sebut harga hanya boleh dibeli bermula **19 DISEMBER 2024 (KHAMIS)** hingga **24 DISEMBER 2024 (SELASA)** oleh wakil syarikat yang sah sahaja di **Kaunter Perolehan Perbadanan Putrajaya, Aras 3, Bangunan Annex, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya**. Bayaran berjumlah **RM50.00** boleh dilaksanakan menggunakan **Kad Debit, Kad Kredit, JomPAY, e-Wallet dan Perbankan Internet**.
4. Wakil syarikat juga hendaklah membawa **Surat Wakil Kuasa (Asal)** yang ditandatangani pemilik/pengarah syarikat atau pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam **SPKK** dan **satu (1) Salinan Sijil PPK, SPKK dan STB** bagi urusan pembelian dokumen.
5. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga** yang dikhaskan di tempat yang ditetapkan seperti di **Perenggan 3**, sebelum **jam 12.00 tengah hari** pada **27 DISEMBER 2024 (JUMAAT)**.
6. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut berhubung notis sebut harga ini, sila hubungi **Seksyen Pengurusan Perolehan, Perbadanan Putrajaya** di talian **03-8887 7708** atau e-mel ke alamat spp@ppj.gov.my
7. Kenyataan notis ini turut boleh didapati dalam portal rasmi Perbadanan Putrajaya di alamat <https://www.ppj.gov.my> dan portal MyPROCUREMENT <https://myprocurement.treasury.gov.my> dan portal JPM <https://www.ipm.gov.my/ms/tender-sebutharga>


(TP. HJH SALMAH BINTI HJ SALMAN)
Naib Presiden
Jabatan Perancangan Bandar
Perbadanan Putrajaya